# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 4 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | MENTERI JUMPA BERNAS, PESAWAH, LOKAL, HM-9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | BEKALAN TELUR AYAM DI KELANTAN KURANG SEJAK SEBULAN, LOKAL, HM-9 | |
| 3. | KENAIKAN HARGA HANYA BABITKAN BERAS IMPORT, LOKAL, HM-9 | |
| 4. | KERAJAAN SYAK WUJUD MANIPULASI BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NASIONAL, BH-1 | |
| 5. | FAKTOR CUACA, PENYAKIT PUNCA BERAS PUTIH TEMPATAN KURANG, NASIONAL, BH-6 | |
| 6. | PENGUATKUASAAN DIPERINGKAT ATASI KEGIATAN SOROK BEKALAN, NASIONAL, BH-6 | |
| 7. | ISU BEKALAN BERAS TEMPATAN, KERAJAAN JUMPA BERNAS, NEGARA, KOSMO-5 | |
| 8. | MASALAH BEKALAN BERAS DIBINCANG KHAMIS INI, SH-MUKA DEPAN | |
| 9. | KPKM JUMPA BERNAS, PESAWAH, NASIONAL, SH-2 | |
| 10. | SEDIAKAN BENIH PADI YANG LEBIH BERKUALITI, NASIONAL, SH-2 | |
| 11. | ISU BERAS: KERAJAAN JUMPA BERNAS KHAMIS INI, DLM NEGERI, UM-3 | |
| 12. | ISU BERAS: KERAJAAN JUMPA BERNAS KHAMIS INI, DLM NEGERI, UM-MUKA DEPAN | |
| 13. | PARTIES TO MEET OVER RICE SUPPLY, NATION, THE STAR-4 | |
| 14. | SHORT OF RICE?, NATION, NST-2 | |
| 15. | MINISTRY WILL MEET BERNAS, FARMERS, NATION, NST-2 | |
| 16. | SUMBER IKAN SEMAKIN PUPUS, DLM NEGERI, UM-9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 17. | BERLARUTAN LEBIH 30 TAHUN, DLM NEGERI, UM-9 | |
| 18. | ISU PEKERJA ASING ANTARA PUNCA HASIL IKAN BERKURANG, DLM NEGERI, UM-9 | |
| 19. | SIJIL HALAL BUKTI PRODUK BERSIH DAN SELAMAT UNTUK DIGUNAKAN, RINGGIT, UM-23 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 20. | SATUKAN KATEGORI BERAS PUTIH. KAJI HARGA SILING-PESAWAH, NASIONAL, SH-3 | LAIN-LAIN |
| 21. | JUALAN BAZAAR RAKYAT AGRO JOHOR DI SEKITAR SIMPANG JERAM, NEGARA, KOSMO-6 | |
| 22. | AIR MERAH: KERAJAAN NEGERI BANTU PENTERNAK IKAN, NELAYAN TERJEJAS, NEGERI PULAU PINANG, SH-28 | |
| 23. | PANTAU DANA PROGRAM USAHAWAN TANI, DLM NEGERI, UM-37 | |
| 24. | TIBA MASA DISEMAK BUKU HIJAU, DLM NEGERI, UM-10 | |
| 25. | TIME TO LIBERALISE RICE INDUSTRY, NATION, NST-3 | |
| 26. | RESIDENTS BUYING RICE SOLD UNDER AN AGRO MADANI SALES EVENT AT PANTAI JEREJAK IN BAYAN BARU, GEORGE TOWN, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-2 | |
| 27. | MINISTRY TO INITIATE TALKS TO ENSURE SUFFICIENT SUPPLY OF RICE, NEWS, THE | |
| 28. | SUN-2 | |
| | CHAN : PRICE OF LOCAL RICE AT SABAH NOT GOING UP, NEWS, SIN CHEW DAILY-4 | |
| 29. | MILLERS AND WHOLESALERS URGED TO UP SUPPLY BY 20 PER CENT, NEWS, SIN | |
| 30. | CHEW DAILY-4 | |
| | PENANG GOVT TO CHANNEL AID TO FISH BREEDERS AFFECTED BY `RED WATER` | |
| 31. | INCIDENT, HOME,BORNEO POST-6 | |
| | AGRICULTURE MINISTRY TO MEET BERNAS, PADDY FARMERS TO DISCUSS RICE | |
| 32. | SUPPLY ON SEPT 7, NEWS, GUANG MING DAILY-A5 | |
| | THE GOVERNMENT TO TAKE ACTION AGAINST RETAILERS SELLING LOCAL RICE AS | |
| 33. | IMPORTED RICE, NATION, SIN CHEW DAILY-1 | |
| | BERNAS AND 3 ENTITIES WILL DISCUSS ABOUT RICE SUPPLY ON SEP 7, NATION, | |
| 33. | CHINA PRESS-A3 | |
| | THE GOVERNMENT PLANS TO HOLD FIVE THOUSANDS PROMOTIONAL EVENTS, | |
| 35. | NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A3 | |
| | LOCAL RICE SUPPLY IS SABAH IS SUFFICIENT, NATION, KWONG WAH YIT POH- A8B | |
| 36. | MAFS TO ENSURE THERE WILL BE SUFFICIENT WHITE RICE SUPPLY IN MARKET, | |
| 37. | NATION, KWONG WAH YIT POH- A1, A12 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

BINCANG BEKALAN BERAS TEMPATAN

# Menteri jumpa Bernas, pesawah

Bernama

Melaka

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pesawah, Khamis ini bagi membincangkan berkaitan bekalan beras tempatan negara.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia berikutan tindakan penyelarasan harga beras putih import oleh Bernas sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

"Hari Khamis ini (KPKM adakan pertemuan) bersama Bernas, pegawai-pegawai tinggi daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), kemudian bersama pengusaha-pengusaha sawah untuk kita berbincang (langkah) seterusnya (untuk memastikan beras tempatan mencukupi dalam pasaran negara).

**"Mereka akan patuh dengan dasar kerajaan dan tindakan keras akan diambil kalau mereka cuba menyorok atau tukar label (beras tempatan kepada beras import). Ini yang kita sedang jalankan"**

"Macam dulu bila kita hadapi masalah telur dan ayamlah... bila semua bekerjasama, Alhamdulillah kita dapat atasi. Kita harap hal beras pun sebegitu juga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jualan Mega Agro Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Dataran Sejarah Ayer Keroh, di sini, semalam.

Mohamad berkata, kementeriannya juga mengadakan sesi dialog dengan pengilang beras di Kedah sebelum ini bagi memaklumkan mengenai dasar semasa negara berkaitan bekalan itu.

"Mereka akan patuh dengan dasar kerajaan dan tindakan keras akan diambil kalau mereka cuba menyorok atau tukar label (beras tempatan kepada beras import). Ini yang kita sedang jalankan," katanya.

Beliau berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) akan bekerjasama dengan pemain industri bagi memastikan beras dihantar ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan.

Bernas sebelum ini dilapor akan menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa Jumaat lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

# Bekalan telur ayam di Kelantan kurang sejak lebih sebulan

**Kota Bharu:** Bekalan telur ayam di Kelantan kurang sejak lebih sebulan lalu berikutan pemborong menerima bekalan yang terhad daripada peladang.

Tinjauan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong mendapati bekalan telur habis manakala di kedai borong di Jalan Kuala Krai di sini, bekalan pula berkurangan.

Pemborong telur, Rosmina Abdul Razak, 48, berkata, bekalan telur kurang sejak lebih sebulan lalu dan bertambah kronik sejak dua minggu lalu kerana dipercayai ayam telur berkurangan di ladang, namun harga masih sama iaitu RM13.50 untuk Gred A, RM12.90 bagi Gred B dan RM12.30 untuk Gred C.

Katanya, berikutan itu kedainya hanya mengehadkan pembelian satu papan bagi setiap pelanggan dan keutamaan diberikan kepada pelanggan tetap terutama peruncit serta pemborong.

"Kita hanya menerima bekalan telur sebanyak 7,000 papan untuk seminggu berbanding sebelum ini kedai ini menerima lebih 10,000 papan untuk tempoh sama.

"Bekalan ini dihantar oleh peladang dari Melaka yang dihantar dua kali seminggu dan dalam tempoh dua hari ia habis selepas dihantar kepada pemborong dan peruncit," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, telur cepat habis kerana orang Kelantan menggunakan bekalan ini untuk membuat kuih-muih dan pelbagai jenis makanan untuk dijual.

Peniaga kedai runcit, Amalin Syahira Huzaini, 24, berkata, bekalan telur berkurangan sejak seminggu lalu menyebabkan dia tidak dapat membeli bekalan itu sejak beberapa hari lalu.

Katanya, sudah tiga hari dia mencari bekalan telur beberapa kedai borong, namun hampa apabila tidak memperoleh bekalan untuk dijual di kedai runcit milik bapanya, Huzaini Harun, 55, di Peringat di sini.

"Saya buntu dan tidak tahu nak cari telur di kedai mana kerana pelanggan yang datang ke kedai runcit ayah sentiasa bertanya bekalan kerana mereka memerlukan.

"Saya harap perkara ini dapat diselesaikan berikutan orang ramai terutamanya penduduk kampung menjadikan telur ini salah satu daripada lauk utama mereka termasuk untuk membuat kuih-muih," katanya.



**"Saya buntu dan tidak tahu nak cari telur di kedai mana kerana pelanggan yang datang ke kedai runcit sentiasa bertanya bekalan kerana mereka memerlukan"**



TINJAUAN di beberapa kedai pemborong telur di Jalan Kuala Krai mendapati bekalan telur habis. Bekalan telur ayam di Kelantan kurang sejak lebih sebulan lalu berikutan pemborong menerima bekalan yang sedikit daripada peladang. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 9 |

# Kenaikan harga hanya babitkan beras import

**Kuala Lumpur:** Tiada kenaikan harga beras Super Spesial Tempatan (SST) 10 kilogram (kg) seperti didakwa di media sosial sebaliknya kenaikan harga hanya membabitkan beras Super Spesial Import (SSI).

Tinjauan Harian Metro mendapati harga beras SST masih sama iaitu antara RM26 sehingga RM28 mengikut gred dan jenama cuma bekalannya dilihat agak berkurangan.

Bagaimanapun, beras SSI 10 kg yang sebelum ini dijual pada harga RM34 sejak lebih setahun lalu kini dinaikkan harga sehingga RM38, manakala harga beras 5 kg meningkat sebanyak RM2 dan dijual harga RM20 ketika ini.

Pekerja kedai runcit yang mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, kenaikan harga beras cuma berlaku pada semua jenis beras SSI bermula Jumaat lalu dan mereka sebagai peniaga terpaksa mengikut harga baru supaya tidak menanggung rugi.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada kenaikan harga beras SST biarpun bekalannya agak kurang selain harga beras timbang yang mana ia sehingga kini masih dijual pada harga RM3.50 sekilogram.

"Sejak lebih setahun lalu kami menjual beras SST 10 kg pada harga RM34 tetapi baru-baru ini dimaklumkan harga beras akan meningkat tahun ini dan bermula 1 September lalu harga baru jualan beras ialah RM38, manakala beras 5 kg naik RM2.

"Boleh dikatakan semua kedai runcit di kawasan ini akan meletakkan harga yang sama dan biasanya kami akan berbincang. Tapi setakat ini beras SST masih sama," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, setiap kali pelanggan datang dia akan beritahu harga beras SSI sudah naik dan mereka akan merungut tetapi masih ada yang tetap membeli kerana beras sangat diperlukan walaupun hanya ada SSI di kedai.

Peniaga pasar mini yang dikenali sebagai Ami, 29, pula berkata, harga beras SST di tempat pemborong biasa dilanggannya masih sama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 1 |

# Kerajaan syak wujud manipulasi bekalan beras putih tempatan

**Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Amir Mamat**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengesyaki wujud manipulasi bekalan beras putih tempatan yang ditukar kepada kampit beras import.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia dipercayai dilakukan segelintir pihak tidak bertanggungjawab demi meraih keuntungan mudah.

Justeru, beliau mengarahkan penyelewengan itu segera dibanteras bagi memastikan bekalan sentiasa terjamin.

Katanya, permintaan bagi beras putih tempatan yang harganya dikawal oleh kerajaan mencatat peningkatan mendadak susulan lonjakan harga beras import.

"Ini antara punca stok beras tempatan cepat habis di pasaran, selain faktor El-Nino yang turut memberi kesan terhadap jumlah pengeluaran beras putih tempatan.

*Nasional* 6



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Faktor cuaca, penyakit punca beras putih tempatan kurang

## Penghasilan padi dianggar merosot tiga hingga lima peratus setiap musim tahun lalu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyusutan hasil padi berikutan faktor cuaca dan serangan penyakit selama tiga musim berturut-turut, dikenal pasti antara punca utama kekurangan bekalan beras putih tempatan dalam pasaran domestik.

Penghasilan padi dianggarkan merosot antara tiga hingga lima peratus bagi setiap musim tanaman sejak awal tahun lalu, menyebabkan keseluruhan bekalan beras putih tempatan berkurangan antara lima hingga 10 peratus.

Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef Md Radzi, bagaimanapun menafikan kekurangan beras putih tempatan dalam pasaran berpunca akibat tindakan segelintir pengilang atau pemborong menyorokkan bekalan.

Katanya, kekurangan bekalan antara lain didorong tindakan segelintir pemborong dipercayai cuba memanipulasi harga dengan menukar kampit beras tempatan kepada beras import.

Beliau berkata, ia mengakibatkan lonjakan harga jualan padi basah daripada RM1,200 kepada RM1,700 setiap tan pada peringkat pengilang, manakala kos pemborong meningkat kepada RM3,200 bagi kuantiti sama.

"Taktik ini dipercayai berlaku kerana harga beras import tidak dikawal, sebaliknya hanya diapungkan, manakala harga beras tempatan ditetapkan RM26 untuk kampit 10 kilogram (kg).

"Lonjakan sangat besar menyebabkan harga pada peringkat pemborong meningkat antara RM3 hingga RM5 bagi sekampit beras 10kg sekali gus mengakibatkan mereka tidak mampu menampung kos, jika dijual pada harga kawalan.

"Peningkatan kos ini sebenarnya berlaku pada peringkat pengilang lagi kerana tawaran pelbagai insentif susulan persaingan bagi mendapatkan bekalan padi. Ia kemudian meningkat mengikut blok rantaian bekalan seterusnya.

"Faktor banyak tanah sawah ditukar bagi kegunaan lain turut menyumbang kepada kekurangan penghasilan padi," katanya kepada *BH*, semalam.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dilapor mengarahkan pengilang padi atau pemborong beras meningkatkan 20 peratus bekalannya dalam Program Khas Beras Putih Tempatan ke dalam pasaran.

Ia susulan pengumuman BERNAS mengenai penyelarasan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 kepada RM3,200 setiap tan mulai Jumaat lalu.



*Cuaca panas April lalu menjejaskan tanaman padi mengakibatkan bekalan beras tempatan merosot.* (Foto hiasan)

### Syor wujudkan pelan khas

Sementara itu, Musonnef mengesyorkan supaya kerajaan mewujudkan pelan khas dan menyeluruh membabitkan pengeluaran beras putih tempatan, bertujuan mengelak berlaku ketirisan dan dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

"Pasaran runcit bagi beras putih tempatan ketika ini adalah paling rendah berbanding negara jiran, selain pelan berkenaan boleh mengurangkan risiko daripada barangan berkenaan diseludup keluar Malaysia," katanya.



> Faktor banyak tanah sawah ditukar bagi kegunaan lain turut menyumbang kepada kekurangan penghasilan padi

***Musonnef Md Radzi,***
*Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia*

Dalam pada itu, kekurangan bekalan beras putih tempatan di pasaran menyebabkan peniaga makanan berasaskan nasi sanggup menanggung sedikit kerugian kerana tidak mahu kehilangan pelanggan.

Peniaga nasi ayam yang mahu dikenali sebagai Ahmad, mengekalkan harga jualan makanannya walaupun berdepan kenaikan kos barangan terutama beras.

"Sebahagian besar pembeli adalah pelanggan tetap. Kalau saya naikkan harga makanan secara tiba-tiba, mesti pelanggan lari.

"Bekalan beras tempatan memang susah diperoleh sekarang dan saya terpaksa menggunakan beras import.

"Oleh sebab harga ayam stabil, kerugian saya tidaklah terlalu besar," katanya ketika ditemui *BH*, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Penguatkuasaan dipertingkat atasi kegiatan sorok bekalan

*Dari Muka 1*

"KPKM akan meningkatkan pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi memastikan tiada beras putih tempatan disorok atau ditukar kampit oleh pihak tidak bertanggungjawab," katanya kepada *BH*, semalam.

*BH* pernah mendedahkan tindakan segelintir pemborong didakwa cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan dengan menukar kampit beras tempatan kepada kampit beras import kerana mahu mengaut keuntungan besar.

Taktik itu dipercayai dilakukan kerana harga beras import tidak dikawal kerajaan, sebaliknya hanya diapungkan, manakala harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 untuk 10 kilogram (kg).

## Lancar pelan tindakan

Sementara itu, Mohamad berkata, pihaknya sudah melancarkan beberapa pelan tindakan jangka pendek bagi memastikan bekalan beras putih tempatan terjamin bagi pasaran domestik.

"Kita melancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan sebagai langkah mengatasi isu kekurangan bekalan barangan berkenaan.

"Menerusi program berkenaan, pengilang diminta menyerahkan 20 peratus kuota padi mereka kepada kerajaan melalui Syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk diproses bagi penghasilan beras putih tempatan.



Keratan akhbar BH 30 Jun lalu.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga sudah diarah membantu memasarkan 20 peratus kuota padi di outlet mereka sebagai antara kaedah memudahkan rakyat mendapatkan bekalan beras putih tempatan," katanya.

Pada majlis berasingan di Ayer Keroh, Mohamad berkata, KPTM akan berbincang dengan BERNAS dan komuniti pesawah Khamis ini mengenai isu bekalan serta harga beras yang menimbulkan rungutan dalam kalangan pengguna.

Beliau berkata, perbincangan bersama pengurusan tertinggi BERNAS itu susulan kepada pertemuan dan dialog dengan kelompok pesawah serta pengilang padi di Kedah, baru-baru ini yang mencapai keputusan positif dalam usaha menangani isu berkenaan.

"Saya sendiri akan bersama BERNAS dan Lembaga Padi dan Beras Negara, Khamis ini kerana kita ambil serius perkara ini, terutama apabila negara pengeksport seperti India sudah mengumumkan kenaikan harga beras sehingga kira-kira 40 peratus.

"Kita akan bincang secara teliti isu beras import ini meskipun keadaan beras di negara kita cukup untuk kegunaan rakyat negara ini," katanya selepas menutup Program Jualan Agro MADANI peringkat kebangsaan di Dataran Sejarah, di sini, semalam.

Mohamad berkata, harga beras import boleh dinaikkan kerana ia bukan barangan kawalan.

Katanya, KPKM ada menerima permintaan pengusaha dan pengedar beras untuk menaikkan harga jualan, namun perkara itu belum dibincangkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | KOSMO | NEGARA | 5 |

# Isu bekalan beras tempatan, kerajaan jumpa Bernas



MOHAMAD (dua dari kanan) pada Karnival Jualan Mega Agro Madani Peringkat Kebangsaan di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka.

**MELAKA** – Kerajaan akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), pegawai-pegawai tinggi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan pesawah pada Khamis ini bagi membincangkan isu bekalan beras tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak pengilang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga diarah menghantar bekalan di mana-mana lokasi berlaku kekurangan.

Menurutnya, tindakan penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan beras tempatan tidak dimanipulasi sebagai beras import.

"Kementerian telah mengadakan sesi dialog dengan pengilang dan pemborong di Kedah baru-baru ini dan mereka sudah memberi jaminan untuk patuh dengan dasar-dasar ditetapkan kerajaan.

"Saya tegaskan tindakan keras akan diambil terhadap pengilang atau pemborong jika mereka cuba menyorok ataupun menukar label beras semata-mata mahu mencari keuntungan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Jualan Mega Agro Madani Peringkat Kebangsaan di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini, semalam.

Tambah Mohamad, bekalan beras tempatan di seluruh negara adalah mencukupi meskipun berlaku kenaikan harga beras import khususnya dari India sebanyak 40 peratus.

"Harga beras tempatan juga kekal RM2.60 sekilogram. Tiada sebab harga beras tempatan naik kerana kerajaan memberikan subsidi sebanyak 60 peratus.

"Pengilang ingin menaikkan harga beras, namun perkara ini akan kita bincang dari semua segi, keadaan beras di negara kita adalah mencukupi cuma kadang-kadang beras import bukan barang kawalan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | SINAR HARIAN | MUKA DEPAN | |



# MASALAH BEKALAN BERAS DIBINCANG KHAMIS INI

KEMENTERIAN Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pesawah pada Khamis ini bagi membincangkan isu kekurangan bekalan beras tempatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# KPKM jumpa Bernas, pesawah

## Untuk bincang isu bekalan beras tempatan agar ia cukup di pasaran

MELAKA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pesawah, Khamis ini bagi membincangkan berkaitan bekalan beras tempatan negara.

LAPORAN MUKA DEPAN

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia berikutan tindakan penyelarasan harga beras putih import oleh Bernas sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

"Hari khamis ini (KPKM adakan pertemuan) bersama Bernas, pegawai-pegawai tinggi daripada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), kemudian bersama pengusaha-pengusaha sawah untuk kita berbincang (langkah) seterusnya (untuk memastikan beras tempatan mencukupi dalam pasaran negara).

"Macam dulu bila kita hadapi masalah telur dan ayamlah... bila semua bekerjasama, alhamdulillah kita dapat atasi. Kita harap hal beras pun sebegitu juga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jualan Mega Agro MADANI Peringkat Kebangsaan 2023 di Dataran Sejarah, Ayer Keroh di sini pada Ahadi.

Mohamad berkata kementeriannya juga mengadakan sesi dialog dengan pengilang beras di Kedah sebelum ini bagi memaklumkan mengenai dasar semasa negara berkaitan bekalan itu.

"Mereka akan patuh dengan dasar-dasar kerajaan dan tindakan keras akan diambil kalau mereka cuba menyorok atau tukar label (beras tempatan kepada beras import). Ini yang kita sedang jalankan," katanya.

Beliau berkata Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan bekerjasama dengan pemain industri bagi memastikan beras dihantar ke kawasan yang mengalami kekurangan bekalan.




**Mohamad (kiri) membuat pengumuman jualan lelong ayam dengan harga RM6.60 seekor di Dataran Sejarah, Ayer Keroh pada Ahad. Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (kanan).**

Bernas sebelum ini dilapor akan menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa Jumaat lepas. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Sediakan benih padi yang lebih berkualiti

**ALOR SETAR -** Persatuan Pengguna Kedah (Cake), berpendapat pengembangan teknologi pertanian melalui penyediaan benih yang berkualiti antara penyelesaian terbaik untuk meningkatkan industri padi negara.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berperanan untuk merealisasikan Dasar Agromakanan 2.0 dan Dasar Sekuriti Makanan 2.0.



MOHAMAD YUSRIZAL

"Di samping itu, kualiti baja dan racun juga perlu dibangunkan dengan mengurangkan kebergantungan import dalam penyediaan bahan ini," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, Cake bagaimanapun tetap menyambut baik saranan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) untuk mengurangkan pembangunan di kawasan pertanian terutamanya di Pulau Pinang yang banyak tanah sawah dijual untuk tujuan pembangunan.

"Cuma kita tahu tidak semua tanah boleh digunakan untuk tujuan pertanian padi.

"Tanah yang sesuai untuk tanaman padi kadang-kadang terdapat cabaran tertentu seperti tanah jerlus, ancaman serangga, ditumbuhi lalang dan sebagainya," katanya.

CAP dalam satu kenyataan sebelum ini menggesa kerajaan menyokong dan memberi insentif kepada petani di seluruh negara untuk menanam lebih banyak padi berbanding tanaman lain.

Pegawai Pendidikan dan Pegawai Semula Jadi Pertanian Asli CAP, NV Subbarow berkata, tanah yang tidak digunakan ketika ini harus dimanfaatkan untuk penanaman padi dan bukannya membina perumahan baharu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Isu beras: Kerajaan jumpa Bernas Khamis ini

Dari muka 1

Oleh itu, kata Mohamad, kerajaan memberi jaminan bekalan beras tempatan di seluruh negara mencukupi dan kekal dijual RM2.60 sekilogram, meskipun berlaku kenaikan harga beras import khususnya dari India sebanyak 40 peratus.

"Tiada sebab harga beras tempatan naik kerana kerajaan memberikan subsidi sebanyak 60 peratus bagi mengekalkan harga pada paras RM2.60 sekilogram.

"Memang ada permintaan pengilang ingin menaikkan harga beras, namun perkara ini akan kita bincang dari semua segi sebab kalau sekarang ini kita tahu subsidi yang diberikan kerajaan sebanyak 60 peratus itu menyebabkan harga beras tempatan kekal pada harga RM2.60 sekilogram.

"Keadaan beras di negara kita adalah mencukupi cuma kadang-kadang beras import bukan barang kawalan, jadi yang kita kawal adalah harga beras tempatan kekal dengan harga RM2.60 sekilogram.

> **"Keadaan beras di negara kita adalah mencukupi cuma kadang-kadang beras import bukan barang kawalan, jadi yang kita kawal adalah harga beras tempatan kekal dengan harga RM2.60 sekilogram."**

"Macam dulu bila kita hadapi masalah telur dan ayam, tetapi bila semua pihak bekerjasama alhamdulillah kita dapat atasi masalah itu. Kita harap hal beras pun sebegitu juga," kata Mohamad.

*Mingguan Malaysia* melaporkan harga beras putih tempatan yang masih RM2.60 sekilogram adalah yang terendah di rantau ini ketika harga beras import terus meningkat.

Kerajaan pada masa sama turut melaksanakan langkah intervensi dan pengilang bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota bagi meningkatkan bekalan beras.

Jumaat lalu, Bernas mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya di seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuat kuasa 1 September sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Pasaran beras global termasuk beberapa negara ASEAN melonjak minggu lalu ke tahap tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 12 tahun, berikutan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati, baru-baru ini.

Malah, harga gred beras Vietnam lima peratus pecah pada 27 Julai melonjak ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS$550 - AS$575 (RM2,500 - RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Sementara itu, pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari apabila harga gred beras Thailand lima peratus hancur melonjak pada AS$605-AS$610 (RM2,742 - RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | | MUKA DEPAN |

# Isu beras: Kerajaan jumpa Bernas Khamis ini

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Kerajaan akan mengadakan pertemuan dengan Padiberas Nasional Berhad (Bernas), pegawai-pegawai tinggi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) serta pesawah Khamis ini bagi membincangkan isu bekalan beras tempatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak pengilang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah diarah menghantar bekalan di mana-mana lokasi berlaku kekurangan beras.

Menurut beliau, tindakan penguatkuasaan akan dipertingkatkan bagi memastikan beras tempatan tidak dimanipulasi sebagai beras import.

Katanya, kementerian telah mengadakan sesi dialog dengan pengilang dan pemborong di Kedah baru-baru ini dan mereka memberi jaminan untuk patuh dengan dasar-dasar ditetapkan kerajaan.

"Saya tegaskan tindakan keras akan diambil terhadap pengilang atau pemborong jika mereka cuba menyorok ataupun menukar label beras semata-mata mahu mencari keuntungan," kata beliau selepas merasmikan Karnival Jualan Mega Agro Madani Peringkat Kebangsaan di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | THE STAR | NATION | 4 |

# Parties to meet over rice supply

## Govt officials, Bernas and farmers will discuss next steps following price increase

COST OF LIVING

**MELAKA:** The Agriculture and Food Security Ministry will meet with padi farmers and Padiberas Nasional Bhd (Bernas) to discuss the country's rice supply, says Mohamad Sabu.

This follows Bernas' move to increase the price of imported white rice from RM2,350 a tonne to RM3,200, the Agriculture and Food Security Minister said.

"This Thursday, (the ministry will hold a meeting) with Bernas, high-ranking officials from the National Padi and Rice Board, then with padi farmers to discuss the next steps (to ensure sufficient local rice in the market).

"It is like before when we faced chicken and egg supply problems.

"When everyone works together, we can overcome it. We hope for the same for rice," he said at the 2023 Mega Agro Madani Sales Carnival in Ayer Keroh here yesterday, Bernama reported.

Mohamad said his ministry had also held a dialogue session with rice millers in Kedah earlier to inform them about the country's current policy regarding the supply of the staple food item.

"They will follow the government's policies and strict action will be taken if they try to hide or change the label (from local rice to imported rice)," he added.

He said the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) will work with industry players to ensure that rice is sent to areas that are experiencing a shortage of supply.

On the Agro Madani Sales, Mohamad said a total of 5,000 sessions targeting RM39mil in sales will be organised this year. As at Aug 27, 1,559 sessions had been carried out nationwide with a total sales of RM32.7mil and savings of RM9.81mil.

The programme, participated by a total of 25,073 entrepreneurs, has attracted 779,000 visitors so far, he said in a statement.

Mohamad said the range of goods at these sales events has been expanded to include fresh products and controlled items with prices that are 10% to 30% lower than the market price for selected commodities.

"Agro Madani sales will continue to be strengthened as an ongoing effort to help ease the burden of the people while increasing the income of agricultural entrepreneurs," he added.



**Market visit:** Mohamad (centre) visiting the stalls at the 2023 Mega Agro Madani Sales Carnival at Dataran Sejarah near Ayer Keroh. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | NEW STRAITS TIMES | NATION | 2 |

# Short of rice?

## Focus on supply, not price

LOCAL rice has gone missing. Not just consumers are wondering, wholesalers and retailers, too, are asking: where is local rice? A very good question. If we produce 70 per cent, it must be in the shops. But it is not there. Datuk Ameer Ali Mydin, owner of the Mydin Hypermarket chain and president of the Bumiputera Retailers Organisation, says local rice had disappeared a couple of months ago. From hypermarkets to supermarkets to retailers are saying the supply of local rice has been negligible. This fits a Malaysian pattern. When prices of imported goods go up, local goods are "made" to disappear, only to reappear as imported ones. Put it to greedy commerce. Local rice has a control price of RM26 per 10kg, while imported rice is being sold at RM33 per 10kg. A price difference of RM7 per bag is quite a temptation many find hard to resist. Next week, when the price of imported rice is slated to be RM39 per 10kg, expect more local rice to be dressed up as imported rice. Are syndicates going around shops buying all the local rice for a later sale? No. Millers and wholesalers are not supplying the outlets.

And what is the Agriculture and Food Security Ministry's response? We have asked the millers and rice wholesalers to increase the local white rice supply by 20 per cent. Really, asks Ameer Ali. We would do the same. He and his fellow marketers are pointing to the shelves empty of local rice and the ministry is talking of having squeezed an agreement to supply 20 per cent more. He has every right to be baffled for himself and on behalf of his fellow retailers. Where is the proof of this "extra" 20 per cent, Ameer Ali asks. Here is the thing. Local rice shortage is a two-month-old story. Mydin and other outlets' shelves have been receiving less than their allocation since then. The Agriculture and Food Security Ministry should have done something by now. Let's be generous by ignoring this early notice and focus on its engagement with the millers and rice wholesalers on Aug 27. As we breathe the air of today — nine days removed from that August day — Ameer Ali has the right to ask, as this newspaper asked yesterday: "Where is the local rice?" It appears to us that in the last nine months, Malaysia has acquired a new habit: let's wait for the prime minister. Let's be blunt. Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim may have broad enough shoulders to bear the weight of the cabinet, but he can't do everything.

> *Are syndicates going around shops buying all the local rice for a later sale? No. Millers and wholesalers are not supplying the outlets.*

Agriculture and Food Security Ministry, do something to get the bags of local rice to hypermarkets, supermarkets and retail outlets. In the meantime, there is a piece of advice from Ameer Ali for the government to ponder. Try not to be too obsessed with price. He is right. It distorts our economy. Instead, he advises that Putrajaya focus on supply. Two things must go, he says, before distortion of the economy disappears. One is price control. Take local rice. Its control price has been fixed at RM2.60 per kg since 2008. That is unreal. Two is monopoly. More than one player — no duopoly, please — means better supply and fairer prices. Otherwise, it will be an egg story: here today, gone tomorrow.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/9/2023 | NEW STRAITS TIMES | NATION | 2 |




*Rice being sold at a hypermarket in Subang, Selangor, yesterday.* PIC BY AZIAH AZMEE

LOCAL RICE SUPPLY

# MINISTRY WILL MEET BERNAS, FARMERS

We can overcome rice shortage if everyone works together, says minister

**KUALA LUMPUR**

THE Agriculture and Food Security Ministry will discuss the supply of local rice with Padiberas Nasional Bhd (Bernas) and padi farmers this Thursday.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu yesterday said this was being done following Bernas' move to raise the price of imported white rice, in line with the international market.

"This Thursday (there will be a meeting) with Bernas ... then with padi farmers for us to discuss the next steps (to ensure sufficient local rice in the market).

"It's like when we faced chicken and egg supply problems.

"When everyone works together, *Alhamdulillah*, we can overcome the problem. We hope the same is true for rice," he was quoted as saying by Bernama.

He was speaking after officiating the national Mega Agro Madani Sales Carnival at Dataran Sejarah Ayer Keroh in Melaka.

Mohamad said his ministry had also held a dialogue with rice millers in Kedah to inform them about the country's policy on the supply of the staple.

"They will obey the government's policies and strict action will be taken if they hide or change the label (of local rice to imported rice)."

He added that the Federal Agricultural Marketing Authority would work with industry players to ensure that rice was sent to areas facing a shortage.



*Datuk Seri Mohamad Sabu*

The ministry on Saturday said it had instructed rice millers and wholesalers to increase the supply of local white rice by 20 per cent through the Local White Rice Special Programme.

The ministry said it was told that millers and wholesalers had agreed to the request, made during an engagement session in Alor Star on Aug 27.

Bernas had raised the price of imported white rice from RM2,350 a tonne to RM3,200 a tonne last Friday.

It said the increase was in line with global prices.

Bernas said in the first half of the year, unpredictable factors, like climate change, weakening foreign currency exchange and India's export ban on rice, had contributed to the situation.

On July 20, India, which is responsible for 40 per cent of the world's rice exports, banned the export of non-basmati white rice to ease rising domestic prices and food inflation.

Malaysian retailers had said the price increase would cause families to spend an extra RM21 a month on rice.

Bumiputera Retailers Organisation president Datuk Ameer Ali Mydin, who is Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director, said the price increase for imported rice had increased demand for the SST5 variety of local rice.

He said for now, more imported white rice was being sold than SST5.

Ameer Ali said each Mydin Hypermarket was supplied with only 50 bags of rice weighing 10kg and 5kg, when it should ideally be 1,000 bags.

*Page 1 pic: A farmer holding padi seeds at a local farmers' organisation facility in Penang, last year.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

## Nelayan asing semakin rakus, pukat tunda rosakkan habitat

# Sumber ikan semakin pupus


Oleh ZAID MOHD. NOOR dan KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my




HASIL tangkapan nelayan semakin berkurangan berikutan pencerobohan nelayan asing di perairan Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

**KUALA TERENGGANU:** Negara boleh berhadapan kepupusan sumber ikan seperti yang berlaku di Vietnam ekoran aktiviti tangkapan semakin rakus dan penggunaan pukat tunda yang merosakkan habitat sumber protein itu.

Memburukkan lagi keadaan kehadiran nelayan asing secara haram yang melakukan aktiviti penangkapan secara agresif dan membawa hasil tangkapan ke negara mereka.

Kebanyakan nelayan asing terlibat dipercayai menangkap ikan dan sotong menggunakan pukat tunda ganding yang mengancam dan merosakkan sumber hasil laut termasuk terumbu karang.

Seorang nelayan tempatan, Abdul Rashid Ahmad, 52, berkata, nelayan bot asing kebiasaannya dipercayai 'berkampung' berbulan-bulan untuk mengikis hasil laut di perairan negeri ini.

Menurutnya, hasil tangkapan nelayan bot asing itu kemudian dipunggah beberapa bot lain untuk dibawa pulang ke Vietnam dan Thailand bagi memenuhi pasaran di negara berkenaan.

"Nelayan asing itu ada di laut selama tiga hingga empat bulan dan mereka melakukan kerja-kerja memindahkan hasil tangkapan itu ke dalam bot lain yang datang untuk dihantar ke negara mereka," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Abdul Rashid memberitahu, keghairahan nelayan asing menangkap ikan seperti yang dilakukan di perairan negara mereka sebelum ini boleh mengakibatkan hasil laut di sini turut pupus.

Katanya, masalah pencerobohan nelayan asing terbukti serius apabila dianggarkan 8,000 bot nelayan asing itu menceroboh perairan Pantai Timur dan ditahan pada setiap tahun.

Malah katanya, para nelayan di negeri ini juga tidak terkejut apabila Jabatan Perikanan Malaysia sebelum ini melaporkan negara mencatatkan kerugian mencecah RM4.25 bilion setiap tahun akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing.

Seorang lagi nelayan yang mahu dikenali Mansor, 58, berkata, tangkapan ikan secara berleluasa dan berlebihan terutamanya oleh nelayan asing akan menyebabkan sebahagian ikan tidak sempat membiak dan mengekalkan jumlah.

"Populasi ikan dan habitat hidupan laut terancam melebihi kemampuan mereka untuk membiak kesan akibat penangkapan ikan secara berlebihan.

"Malah kelangsungan hidup komuniti nelayan tempatan di negeri ini yang bergantung kepada ikan turut terkesan pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu Pensyarah Kanan Bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Fazrul Hisam Abd. Aziz berkata, pencerobohan nelayan asing dan penggunaan peralatan perikanan yang tidak dibenarkan mengikut zon yang ditetapkan menjadi antara faktor menyebabkan berlaku kekurangan stok ikan di perairan negara ketika ini.

Menurutnya, permintaan tinggi terhadap bekalan ikan menyebabkan pengusaha perikanan akan cuba memperolehnya walaupun menggunakan teknik tangkapan yang melanggar undang-undang ditetapkan.

"Tidak seperti 10 atau 15 tahun dahulu, nelayan pesisir pantai masih boleh mendapatkan ikan bersaiz besar dengan mudah, namun kini saiz tangkapan semakin kecil dan berkurangan," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

